

KITA RANCANG BINA KAPAL SENDIRI-MUSA

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia merancang untuk membina kapalnya sendiri dengan teknologi dan tenaga kepakaran yang diimport dari Korea Selatan, Datuk Musa Hitam mengumumkan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai permulaan, rundingan sedang dijalankan untuk membina dua buah kapal bagi Tentera Laut

Diraja Malaysia secara usahasama antara sebuah syarikat Korea Selatan dan Malaysian Shipyards Engineering di Johor Baharu.

Beliau membayangkan, kapal yang perlama mungkin akan dibina tahun depan.

Dalam satu sidang akhbar, Datuk Musa berkata, Kerajaan bagaimanapun sedang mengkaji projek itu dengan teliti memandangkan masalah kesuntukan kewangan yang sedang dihadapi.

"Malaysia mungkin

akan membeli kapal-kapal tersebut dari Seoul jika harga importnya didapati lebih murah dari membinanya di sini," ujarnya.

Beliau berkata, rundingan tersebut juga meliputi konsep pembayaran secara bertukar barang.

"Jika berjaya, harga kapal tersebut akan dibayar dengan barangan keluaran negara ini yang diperlukan oleh syarikat tersebut seperti minyak, getah dan bijih timah," jelasnya.

Menurutnya, sistem

bertukar barang itu telah dipersetujui oleh ahli-ahli perindustrian dan pengeksport Korea Selatan sebagai langkah meningkatkan perdagangan dua hala.

Bagaimanapun, perjanjian yang bersesuaian perlu disediakan bagi tujuan tersebut, tambahnya.

Datuk Musa yang melawat Korea Selatan baru-baru ini berkata, beliau telah menyorangkan matlamat dan strategi Dasar Ekonomi Baru kepada para pegawai dan ahli perniagaan negara itu.

Beliau menekankan pentingnya mereka memenuhi keperluan dasar itu terutama mengenai penyertaan Bumiputera.

"Saya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mendapatkan rakan usahasama Bumiputera yang berkecayaan jika mereka sukar mendapatinya," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri juga memberitahu, satu isu yang masih belum lagi diselesaikan dengan Kerajaan Korea ialah bagi mendapatkan penerangan ketiga bagi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) ke Korea Selatan.

Pada masa ini MAS hanya dibenarkan dua kali penerbangan seminggu ke Seoul.

Katanya, sedikit silap faham wujud pada pihak Korea Selatan mengenai peraturan yang terdapat dalam perjanjian udara antarabangsa dan dua hala.

Menurut Datuk Musa beliau telah menjelaskan kepada para pemimpin negara itu tentang perlunya menjadi 'satu kepentingan muhibah dan politik' bagi isu itu diselesaikan di peringkat yang paling tinggi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia